

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 PENGENALAN**

Wakaf sebagai sebuah institusi sosioekonomi telah dibangunkan dan berkembang sehingga berfungsi sebagai sumber pembiayaan dalam pembangunan masyarakat Islam. Perkembangan dan kegemilangan Islam dalam penyediaan rawatan kesihatan berkonsepkan wakaf perlu diteruskan pada masa kini kerana ia memberi manfaat yang besar kepada masyarakat.

#### **5.2 KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulan kepada penulisan ini, wakaf merupakan ibadah yang mendekatkan diri kepada Allah. Pada masa yang sama, wakaf berperanan dalam pembanguan sosio ekonomi masyarakat dalam penyediaan kemudahan kesihatan, pendidikan dan ibadat. Perkembangan dan kegemilangan Islam dalam penyediaan rawatan penjagaan kesihatan berkonsepkan wakaf dengan pembinaan hospital Islam perlu diteruskan pada masa kini kerana ia memberi manfaat yang besar kepada masyarakat.

Beberapa perkara dapat dirumuskan bahawa hospital yang dibiayai oleh wakaf telah bermula sejak daripada zaman kegemilangan Islam iaitu pada zaman Kerajaan Umayyah, zaman Abbasiyyah dan seterusnya. Walaubagaimanapun, hospital wakaf pada zaman tersebut masih tidak dapat ditandingi oleh hospital wakaf pada hari ini. Perkembangan hospital wakaf di Malaysia masih baru di mana Johor Corporation Berhad (JCorp) adalah perintisnya. Sebelum ini masyarakat Islam masih belum terdedah dengan hospital wakaf

dan hanya mengetahui tentang wakaf tanah perkuburan, masjid dan sekolah. Namun, kini masyarakat sudah terdedah dengan amalan pewakafan yang lain.

Tidak dapat dinafikan hospital yang wujud di Malaysia terutama hospital yang didirikan oleh kerajaan mempunyai konsep dan amalan yang tidak jauh berbeza dengan konsep hospital wakaf. Namun, perbezaan dapat dilihat dari segi falsafah dan matlamat penubuhan antara hospital wakaf dengan hospital-hospital yang lain. Perbezaan ketara antara hospital wakaf dengan hospital yang disediakan oleh kerajaan adalah dari segi sumber kewangan. Hospital wakaf berkembang menggunakan sumber dana wakaf dan sumbangan orang ramai, manakala hospital kerajaan pula didirikan dengan menggunakan biaya sepenuhnya daripada kerajaan Malaysia tanpa melihatkan dana wakaf. Hospital Waqaf An-Nur (HWAN) adalah sebuah hospital yang dibina atas tanah wakaf. Hospital Wakaf An-Nur membiayai operasi hospital menggunakan dana daripada pewakafan korporat. Pewakafan saham merupakan perubahan baru bentuk pengaplikasian wakaf sejajar dengan peredaran zaman kontemporari. Pembinaan HWAN ini juga menggunakan modal daripada sumber wakaf dan seterusnya berkembang menggunakan dana terkumpul daripada orang ramai untuk memastikan kelestarian HWAN ini.

HWAN mempunyai banyak halangan seperti kekangan kewangan yang tidak membolehkan HWAN memberikan perkhidmatan yang lebih bervariasi kepada golongan masyarakat yang memerlukan. Ini kerana perkhidmatan yang diberikan oleh hospital wakaf adalah perkhidmatan yang asas sahaja tidak termasuk penyakit kritikal dan sakit puan. Ini berbeza dengan perkhidmatan yang disediakan oleh hospital kerajaan dan swasta yang lain. Perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang disediakan oleh mereka merupakan perkhidmatan yang lengkap dan dalam pelbagai bentuk.

Masalah kewangan merupakan faktor utama masyarakat mendapatkan rawatan di HWAN. HWAN terbukti meringankan beban responden dan pesakit dari aspek kewangan

untuk mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan. Penubuhan HWAN telah berjaya membantu dalam merealisasikan matlamat Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) bagi membantu lebih ramai masyarakat terutamanya golongan yang kurang berkemampuan menikmati kemudahan rawatan kesihatan menerusi konsep wakaf. HWAN memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan perubatan seawal yang mungkin dan terbaik dengan bayaran yang berpatutan kepada masyarakat.

Tahap kefahaman responden terhadap konsep wakaf masih rendah, meskipun ada antara mereka memiliki pengalaman berwakaf. Pada peringkat awal, kefahaman masyarakat terhadap wakaf kesihatan masih kurang dan tidak mendalam kerana masih menganggap wakaf terhad kepada tanah perkuburan dan hal ehwal agama sahaja. Namun begitu, kini kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap amalan wakaf semakin meningkat atas usaha daripada pelbagai pihak. Adalah penting usaha-usaha pemupukan wakaf disemai melalui pendidikan sekolah rendah lagi agar usaha menggalakkan sistem berwakaf akan disambut baik oleh orang ramai demi manfaat ummah.

Kos untuk mendapatkan rawatan penjagaan kesihatan yang mahal membebankan dan memberi kesan buruk kepada golongan masyarakat berpendapatan rendah. Berdasarkan kajian yang dilakukan, ia jelas menunjukkan faktor kewangan mempunyai perkaitan dengan pemilihan masyarakat dalam mendapatkan rawatan dalam penjagaan kesihatan. Ini kerana penerima rawatan bergantung kepada bayaran yang murah untuk mendapatkan rawatan disebabkan oleh pendapatan yang tidak mencukupi dan kos rawatan penjagaan kesihatan yang semakin meningkat dari masa ke semasa. Peranan wakaf dalam memberikan penjagaan kesihatan di Hospital Waqaf An-Nur kepada masyarakat setempat dapat dilihat dengan memberikan bayaran yang rendah kepada masyarakat dan sebagai satu alternatif kepada masyarakat dalam mendapatkan rawatan dan penjagaan kesihatan.

Sejarah membuktikan bahawa wakaf memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Kekayaan dianggap sebagai satu alat kebahagiaan manusia untuk meningkatkan keupayaan untuk berbakti kepada Allah SWT. Wakaf juga menjadi alat agihan semula kekayaan bagi mencapai keseimbangan ekonomi sesebuah negara dalam konteks menyeluruh melalui penyediaan kemudahan seperti pendidikan, kesihatan, pusat ibadah dan lain-lain. Aktiviti ekonomi Islam dianggap sebagai satu ibadah jika ia bertujuan untuk mencapai keredaan Allah SWT.

### **5.3 CADANGAN**

Usaha yang berterusan perlu dilakukan untuk memperluaskan pelaksanaan wakaf. Kebaikan dan keberkesanan sistem tersebut tidak akan terhasil sekiranya pelaksanaannya terbatas kepada bahagian atau sektor tertentu sahaja tanpa melihat skop dan sektor ekonomi yang lebih komprehensif. Penawaran sistem ekonomi Islam sebagai alternatif kepada penyelesaian persoalan ekonomi masyarakat pada zaman kini perlu melihat nilai-nilai Islam dan digabungkan dengan amalan praktikal. Garapan konsep dan pelaksanaan bersepadu akan menarik dan menjana kepercayaan masyarakat terhadap kerelevanan wakaf sebagai satu institusi yang signifikan bagi sistem ekonomi Islam dalam kehidupan ummah pada masa kini.

Penulis juga ingin mengemukakan beberapa saranan tertentu yang terlibat dalam pengurusan hospital khususnya HWAN yang mempunyai matlamat dan objektif untuk menyediakan kemudahan perubatan kepada masyarakat khususnya yang berpendapatan rendah tanpa mengira bangsa dan agama.

### **5.3.1 Saranan Kepada Pihak Hospital Waqaf An-Nur**

Kerjasama erat antara JCorp, WANCorp dan HWAN adalah sangat penting untuk mencapai tahap cemerlang dalam pengurusan hospital, pembiayaan dan pengumpulan dana serta sumber kewangan untuk membangunkan lagi hospital wakaf. Selain di Malaysia, HWAN boleh bekerjasama dengan negara luar yang telah kehadapan dalam wakaf kesihatan untuk melihat kepada pengalaman mereka dalam menguruskan hospital wakaf. HWAN perlu menjalinkan kerjasama dengan hospital wakaf lain yang berjaya di luar negara dengan mengambil contoh hospital wakaf seperti di Turki supaya dapat bertukar-tukar maklumat dan pengalaman dalam membangunkan hospital wakaf di Malaysia.

HWAN perlu bekerjasama dengan hospital kerajaan atau swasta dalam pelbagai aspek bagi mewujudkan perkhidmatan perubatan yang lebih baik seperti mengadakan kerjasama dalam bidang sakit puan dan penyakit kritikal yang lain bersama dengan hospital kerajaan atau swasta yang lain. Pihak pengurusan HWAN perlu menambahkan fasiliti, memperluaskan perkhidmatan dan hospital wakaf supaya setanding dengan hospital kerajaan dan swasta yang lain. Para doktor dan kakitangan perlu menjadikan amalan membuat kebajikan sesama manusia dan untuk mendapatkan keredhaan Allah sebagai matlamat utama melebihi matlamat untuk mendapatkan keuntungan.

Kefahaman mendalam tentang wakaf melalui perkhidmatan perlu diterapkan ke dalam diri setiap individu yang terlibat dalam pengurusan dan pengamal perubatan termasuk para doktor, jururawat, pembantu makmal dan lain-lain. Kaedah penyampaian perkhidmatan kesihatan perlu diterapkan mengikut nilai dan etika Islam supaya pengurusan hospital mengikut syariat Islam yang telah ditetapkan.

Pengumpulan dana wakaf perlu dipergiatkan untuk mendapatkan dana wakaf yang lebih besar seperti penggunaan wakaf tunai dan wakaf korporat yang lain. Masyarakat perlu diberi kefahaman dan kesedaran tentang kepentingan berwakaf dan wakaf kesihatan supaya

mudah untuk berwakaf. Media massa juga memainkan peranan yang besar dalam mempromosikan wakaf kesihatan dan perubatan kepada masyarakat melalui iklan-iklan di televisyen dan radio. Kini, media sosial mempunyai pengaruh yang besar dalam menyebarkan sesuatu isu. Penggunaan *facebook*, *youtube*, *twitter*, *instagram* dan sebagainya merupakan medium perantaraan yang cepat dan berkesan untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat awam. Masyarakat awam perlu dididik dan diberi maklumat yang tepat dan mudah tentang kelebihan berwakaf terutamanya wakaf kesihatan dan perubatan. Salah faham masyarakat tentang wakaf perlu diperbetulkan supaya masyarakat lebih terbuka untuk memahami tentang wakaf dan seterusnya berwakaf.

Selain itu, diharapkan peranan hospital wakaf yang pernah wujud dalam zaman kegemilangan tamadun Islam dapat direalisasikan di HWAN. Penubuhan hospital wakaf ini dapat membantu dalam menyelesaikan masalah berkaitan penjagaan kesihatan dan perubatan, terutamanya masalah kos perubatan yang tinggi yang terpaksa ditanggung oleh golongan yang kurang mampu.

Pihak WANCorp perlu lebih giat mencari dana wakaf untuk menampung perbelanjaan dan kos penjagaan kesihatan yang semakin meningkat dengan mengembangkan keuntungan dengan menggunakan harta wakaf yang lain dan disalurkan semula ke dalam HWAN. Selain itu, memberi pengecualian daripada sebarang bentuk bayaran kepada pesakit yang menerima rawatan di HWAN dengan ditanggung sepenuhnya oleh WANCorp melalui peruntukan agihan manfaat *fisabilillah*.

### **5.3.2 Saranan Kepada Pihak Lain-Majlis Agama Islam, Badan Bukan Kerajaan dan Institusi Wakaf**

Pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil inisiatif untuk memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan perubatan kepada masyarakat dengan mengambil kira model dan

kerangka daripada HWAN. Pihak Majlis Agama Islam Negeri, Badan Bukan Kerajaan dan institusi wakaf yang lain boleh membina klinik atau hospital wakaf dengan mengambilkira kepakaran dan pandangan daripada pengurusan HWAN. Oleh itu, lebih banyak klinik dan hospital wakaf dapat dibina untuk membantu masyarakat yang memerlukan dalam mendapatkan rawatan dengan harga yang rendah dan berpatutan.

Majlis Agama Islam Negeri perlu mengambil inisiatif untuk memperkenalkan secara bersungguh-sungguh wakaf daripada kategori harta-harta kontemporari dengan penyebarannya melalui media cetak dan elektronik supaya masyarakat melihat kepentingannya sebagai alternatif untuk berwakaf selain daripada tanah dan bangunan semata-mata. Langkah efektif bagi menarik perhatian masyarakat untuk berwakaf adalah dengan siaran iklan di kaca televisyen, hebahan suara di radio, penggunaan internet, surat khabar dan sebagainya. Ini kerana pengiklanan merupakan cara yang paling berkesan dalam memperkenalkan sesuatu isu.

### **5.3.3 Saranan Kepada Masyarakat**

Pendekatan berwakaf menerusi dana wakaf dan saham wakaf serta harta-harta kontemporari sangat sesuai dilaksanakan di negara ini tanpa hanya menyempitkan pelaksanaannya melalui wakaf dalam bentuk tanah dan bangunan sahaja. Ini kerana menyedari harta daripada kategori tanah amat berkurangan sekali.

Masyarakat perlu menyokong usaha yang dilakukan oleh HWAN dan menguar-uarkannya kepada orang ramai tentang sumbangan yang boleh dilakukan melalui wakaf kesihatan. Masyarakat perlu memahami akan kekangan dan halangan yang dilalui oleh HWAN dalam memberikan perkhidmatan dalam kapasiti yang kecil kerana sumber kewangan yang terhad. Masyarakat perlu lebih jelas dalam memahami salah faham tentang wakaf dan sedekah bagi memastikan masyarakat lebih bersifat terbuka dalam melaksanakan

ibadah tersebut. Walau bagaimanapun, kini kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang amalan berwakaf semakin meningkat dengan adanya pelbagai sebaran maklumat daripada media massa.

#### **5.4 PENUTUP**

Wakaf kesihatan dapat menyediakan penjagaan kesihatan yang bermutu dan berkualiti kepada masyarakat di Malaysia. Peranan dan tanggungjawab yang diberikan kepada institusi wakaf bagi membangunkan perkhidmatan kesihatan perlu dibangkitkan semula kerana mempunyai kebaikan untuk masyarakat, negara dan sejagat.